



Headline: Waspada sindiket penipuan menyamar Language: Malay  
pegawai LHDNM

Publication/Portal: Sinar Harian

Section: Nasional

Date: 8 June 2020

Page: 32

## Waspada sindiket penipuan menyamar pegawai LHDNM

**SHAH ALAM** - Orang ramai dinasihatkan lebih berhati-hati dan tidak terpedaya dengan sindiket penipuan yang menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

LHDNM dalam satu kenyataan semalam berkata, pihaknya mendapati penipuan sindiket itu kembali aktif sejak akhir-akhir ini.

Menurut kenyataan tersebut, sindiket terbabit menggunakan beberapa modus operandi iaitu dengan menghubungi mangsa dan memaklumkan kononnya terdapat tunggakan cukai yang masih belum dijelaskan dan meminta mangsa membuat pindahan wang ke akaun bank bukan milik LHDNM.

“Sindiket juga akan menggunakan taktik dengan menghubungi mangsa melalui telefon dan memaklumkan terlibat dengan aktiviti pelarian cukai dan pengubahan wang haram serta akaun bank milik mangsa akan disekat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA).

“Mangsa kemutiannya akan disambungkan untuk bercakap dengan ‘pegawai polis’ yang bertanggungjawab terhadap kes mangsa. Mangsa juga akan diarahkan memindahkan baki akaunnya ke akaun pihak ketiga bagi mengelakkan semua wang dalam akaun miliknya dibekukan,” katanya.



Kenyataan itu turut menyebut, sindiket juga akan menghubungi mangsa dan menyamar sebagai pegawai polis memaklumkan mangsa mempunyai baki cukai tertunggak dan mengarahkan untuk memuat turun aplikasi palsu dari Bank Negara Malaysia (BNM) atau berkongsi maklumat peribadi perbankan di laman web palsu kononnya milik BNM bagi tujuan siasatan.

Selain itu, sindiket juga akan menyamar sebagai pegawai LHDNM dan menghubungi mangsa menggunakan nombor telefon mirip nombor telefon LHDNM dan menggunakan teknik *spoofing*.

“LHDNM bagaimanapun ingin menegaskan bahawa setiap pegawai LHDNM terikat dengan peruntukan kerahsiaan maklumat percukaian dan setiap maklumat peribadi pembayar cukai tidak akan dihebahkan kepada pihak ketiga sewenang-wenangnya,” katanya.